

01/08/2005

Shahrir-Dasar

DASAR AUTOMATIF PERLU AMBIL KIRA KEPENTINGAN PROTON, KATA BBC

PUTRAJAYA, 1 Ogos (Bernama) -- Dasar yang akan dibentuk bagi menentukan hala tuju bidang automatif negara perlu mengambil kira kepentingan dan pencapaian syarikat pengeluar kereta nasional, Proton, serta peluang-peluangnya di pasaran yang lebih besar seperti di Asean.

Presiden Kelab Ahli Parlimen Barisan Nasional (BBC) Datuk Shahrir Abdul Samad berkata selain itu status, Perodua, Inokom dan Naza sebagai pengeluar kereta tempatan perlu diteliti untuk memastikan sejauh mana mereka ini pengeluar kereta buatan Malaysia berbanding Proton.

Pada masa yang sama, Malaysia perlu mempunyai satu badan bertanggungjawab bagi mengawasi piawaian, kualiti dan harga kenderaan yang dijual di dalam negara memandangkan kedudukannya sebagai pasaran terbesar kenderaan di Asean, katanya.

Shahrir berkata demikian selepas mengetuai kumpulan kerja berhubung dasar automatif negara dalam pertemuan hampir dua jam dengan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahatir Mohamad yang juga Penasihat Proton bagi membincangkan hala tuju bidang automatif negara. Selain Shahrir, kumpulan kerja itu dianggotai oleh tujuh anggota BBC.

Dasar itu juga perlu mengambil kira keupayaan teknikal yang dijana hasil kewujudan Proton dalam membantu menjadikan negara sebagai salah satu pusat atau lokasi utama pemasangan kenderaan atau pembuatan komponen di rantau ini.

"Ini bermakna bahawa dasar itu perlu ambil kira keupayaan teknikal dan teknologi yang sudah ada di Malaysia hasil daripada kewujudan Proton," katanya.

BBC mewujudkan kumpulan kerja berhubung dengan industri automatif negara ekoran kemelut yang dihadapi oleh pengeluar kereta nasional itu kerana persaingan sengit daripada kemasukan pelbagai jenama kereta asing dan juga kerana isu pengeluaran AP tanpa terkawal untuk mengimport kenderaan.

Mengenai status Perodua, Inokom dan Naza sebagai pengeluar kereta tempatan, katanya, bagi dianggap sebagai pengeluar kereta nasional, syarat, taraf, dan keperluan yang sama harus dikenakan kepada syarikat-syarikat berkenaan.

Umpamanya syarikat Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua), walaupun ia dikuasai oleh syarikat kereta Jepun Daihatsu Motor Co dengan pemilikan majoriti 51 peratus saham tetapi ia boleh dianggap sebagai syarikat kereta nasional tetapi sesudah syarat, taraf dan keperluan dipenuhi untuk mencapai status itu, katanya.

Di samping itu, katanya, kedudukan dan keupayaan syarikat pengeluar komponen atau syarikat vendor yang membekalkan produk mereka kepada syarikat kereta nasional perlu dinilai semula.

"Kita juga harus memberi tumpuan kepada keupayaan dan kemampuan syarikat-syarikat vendor ini kerana kali pertama dan terakhir mereka mendapat bantuan kerajaan adalah pada tahun 1984 apabila satu geran sebanyak RM300 juta menerusi Smidec (Perbadanan Kemajuan Industri Kecil dan Sederhana) disalurkan bagi membantu operasi syarikat vendor ini," katanya.

Shahrir berkata sudah sampai masanya satu peringkat atau fasa bantuan dan sokongan baru diwujudkan oleh kerajaan bagi syarikat pengeluar komponen itu

"Ini boleh membantu daripada segi mengurangkan harga kenderaan dan

komponen keluaran syarikat kereta nasional ini," kata Shahrir.

Mengenai cadangan pewujudan badan pengawal mutu dan piawaian termasuk harga bagi kereta yang dibawa masuk ke negara ini, katanya: "Kita tidak nampak adanya badan yang bertanggungjawab mengenai piawaian berbanding negara lain umpamanya Proton nak masuk ke pasaran UK yang terpaksa menepati mutu dan piawaian tertentu di negara berkenaan."

"Di Malaysia seolah-olah menjadi pasaran yang terus terbuka. Termasuklah soal keselamatan daripada segi teknikal dan termasuklah daripada segi harga," katanya.

Menjelaskan lanjut akan pertemuan anggota BBC dan Dr Mahathir, Shahrir berkata ia adalah sebahagian daripada proses pengumpulan maklumat mengenai industri automatif negara berdasarkan kedudukan bekas pemimpin negara itu sebagai penasihat Proton.

-- BERNAMA

RIZ PR